



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

FESTIVAL CATUR PUTRAJAYA 2018 PECAH REKOD KALI KEDUA MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBOR)

PUTRAJAYA, 10 Februari 2018 – Dato' Seri Anggraini Sentiyaki, isteri Menteri Wilayah Persekutuan hari ini merasmikan majlis penutup Festival Catur Putrajaya 2018 yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan. Seramai 1,900 pelajar dari sekolah kerajaan dan antarabangsa termasuk lima (5) orang pelajar OKU menyertai pertandingan catur ini. Festival ini turut mendapat penyertaan daripada 7 buah negara luar iaitu dari Singapura, Filipina, Kazakhstan, Egypt, India, Bangladesh dan Rusia. Festival Catur Putrajaya 2018 merupakan inisiatif bagi mengumpul anak-anak muda di seluruh negara menerusi aktiviti yang mereka gemari seterusnya meningkatkan semangat mereka untuk terus maju dalam bidang yang diminati.

Festival Catur Putrajaya 2018 sekali lagi telah berjaya memecahkan *Malaysia Book of Record* (MBOR) buat kali kedua dengan penyertaan kanak-kanak teramai di Malaysia. Pada tahun lalu, seramai 1,578 peserta telah menyertai festival ini. Sebanyak (11) kategori yang dipertandingan iaitu kategori **Terbuka, Bawah 18 Tahun Lelaki dan Perempuan, Bawah 15 Tahun Lelaki dan Perempuan, Bawah 12 Tahun Lelaki dan Perempuan, Bawah 10 Tahun Lelaki dan Perempuan, juga Bawah 8 Tahun Lelaki dan Perempuan.**

Tujuan program ini dianjurkan adalah bagi mencungkil bakat dan kepakaran pelajar sekolah untuk berfikir secara kritis dan kreatif melalui permainan catur. Selain itu, melalui program ini juga dapat membentuk keyakinan diri yang tinggi, berketrampilan dan berdaya saing di dalam kalangan pelajar-pelajar ini.

Menariknya semasa pertandingan catur ini berlangsung, para pengunjung boleh menonton siaran langsung pertandingan tersebut melalui aplikasi *All Chest* yang boleh dimuat turun dari *Google Play Store* dan juga melalui laman sesawang <http://live.catur.org/>. Festival Catur Putrajaya 2018 ini adalah anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Kelab Catur Elite 18 dan mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Persatuan Catur Malaysia dan Persatuan Catur Putrajaya.

Diharapkan melalui penganjuran Hari Wilayah Persekutuan 2018 di bawah kluster sukan dan rekreasi ini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan, kerjasama serta perpaduan dalam kalangan rakyat khususnya generasi muda negara selaras dengan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan iaitu “**Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera**”.

**Disediakan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
10 Februari 2018**